

	PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN 1MALAYSIA (TP1M)	Nombor Rujukan Fail:
		Tarikh Kemaskini: 29 Januari 2018

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN TP1M

a) Julat Harga Rumah

Harga rumah adalah berdasarkan kepada harga belian asal daripada pemaju;

- i. Bagi kategori rumah **kos rendah** swasta:
 - Semenanjung : RM42,000.00 ke bawah; dan
 - Sarawak, Sabah dan Labuan : RM59,000.00 ke bawah.
- ii. Bagi kategori rumah **kos sederhana rendah** swasta:
 - Semenanjung : RM42,001.00 sehingga RM80,000.00
 - Sarawak, Sabah dan Labuan : RM59,001.00 sehingga RM100,000.00.

b) Skop Kerja Penyelenggaraan

Skop kerja penyelenggaraan hanya bagi bangunan rumah berstrata sahaja.

- Skop A: Membaiki atau mengganti lif;
- Skop B: Membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi;
- Skop C: Penyelenggaraan atau mengganti paip sanitari;
- Skop D: Membaiki/mengganti bumbung;
- Skop E: Membaiki/mengganti tangga & susur tangan (*handrail*);
- Skop F: Mengecat semula bangunan dan harta bersama;
- Skop G: Pendawaian semula dan kerja elektrik;
- Skop H: Membaiki /mengganti kerosakan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (common property);
- Skop I: Mengganti/membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan; dan
- Skop J: Pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan.

	PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN 1MALAYSIA (TP1M)	Nombor Rujukan Fail:
		Tarikh Kemaskini: 29 Januari 2018

c) Kaedah Pelaksanaan

- **100%** kos penyelenggaraan dibiayai peruntukan TP1M.

d) Lain-lain yang berkaitan

- i. Hanya kerja penyelenggaraan dengan kos **RM50,000** ke atas sahaja akan dipertimbangkan; dan
- ii. **Keutamaan** diberikan kepada perumahan yang telah menubuhkan **JMB/MC**.

e) Penghantaran Borang Permohonan yang telah lengkap

- i. Borang permohonan yang telah lengkap, hendaklah dihantar kepada **Pesuruhjaya Bangunan (COB), Pihak Berkuasa Tempatan (Dewan Bandaraya / Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran / Majlis Daerah)**.
- ii. Kelulusan adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada dan keutamaan pertimbangan adalah bagi JMB/MC/Persatuan Penduduk berdaftar.

2.0 KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan dan surat-menyurat boleh dimajukan kepada alamat seperti berikut;

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Cawangan Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah Swasta
Aras 27, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA.
No. Tel. : 03-8891 4306 / 5059 / 5063 / 5056 / 5594
No. Faks : 03-8891 4332

3.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan permohonan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ia dikeluarkan.